

Perkasa hak istimewa Melayu

KUALA LUMPUR 16 Jun - Seorang penggubal undang-undang pada zaman kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein mahu pelaksanaan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh hak istimewa orang Melayu diperkasakan bagi memastikan faedahnya dinikmati oleh kaum itu secara lebih menyeluruh.

Tan Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman berkata, ia dapat dilakukan melalui penubuhan sebuah jabatan khas atau Kementerian yang akan mentadbir secara langsung perkara-perkara yang berkaitan keistimewaan orang Melayu.

Beliau yang merupakan seorang peguam menegaskan, penubuhan entiti kerajaan itu akan memfokus kepada ciri-ciri penting yang terkandung dalam Perkara 153 untuk manfaat pembangunan sosio-ekonomi kaum Melayu.

Abdul Aziz menjelaskan, orang Melayu berpeluang memajukan diri dalam banyak bidang seperti pendidikan selain menceburi peluang-peluang perniagaan jika kerajaan menggunakan keistimewaan itu dengan lebih berkesan.

"Hak istimewa orang Melayu sejak dulu termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, bangsa lain tidak bersetuju dengannya dan kita pula tidak berbuat apa-apa, rugilah.

"Kita perlu buat sesuatu supaya keistimewaan itu tidak duduk atas kertas semata-mata," ujar beliau kepada pemberita di sini hari ini.

Abdul Aziz merupakan Penolong Penggubal Undang-Undang di Jabatan Peguam Negara sekitar tahun 1968 ketika zaman kepimpinan Perdana Menteri kedua dan pernah terlibat menggubal Undang-Undang Darurat.

Beliau ditemui selepas membentangkan kertas kerja bertajuk 'Legasi Tun Abdul Razak Kepada Agenda Pembangunan Ekonomi Bumiputera' pada Seminar Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara.

Mengulas lanjut, Abdul Aziz berkata, masih ramai yang tidak mengetahui bahawa hak istimewa orang Melayu tidak boleh dipertikai dalam apa jua bentuk sekalipun ia menyebabkan wujud perasaan tidak puas hati kaum lain.

"Kaum lain tidak boleh marah kerana kita tidak menyentuh hak mereka atau merebut hak sesiapa, ia (keistimewaan) milik orang Melayu dan kita mentadbirnya," ujar beliau.

Menyentuh mengenai tanah rizab Melayu yang dikhuatiri jatuh ke tangan kaum lain kerana kegagalan mengurusnya, Abdul Aziz sekali lagi mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan badan mengawal selia harta tersebut.

Menurut beliau, campur tangan kerajaan itu dapat mengelakkan pemilik tanah terutama di bandar-bandar besar menjualnya kerana mereka tidak mampu untuk mengurus tanah tersebut lantaran kos yang tinggi.